

01 NOV 1997  
G15-Abdullah  
G15 MAHU ADAKAN DIALOG DENGAN G7

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) dalam usaha meningkatkan dialog Utara-Selatan akan menimbangkan dialog dengan Kumpulan Tujuh Negara Maju (G7) jika keadaan memerlukan.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, mesyuarat G15-G7 itu bergantung kepada kedudukan G15 sendiri mengenai isu-isu tertentu dan sejauh mana ianya penting.

Menurut beliau, tiada cadangan seperti itu sebelum ini.

"Tetapi kita berharap di masa depan akan ada peluang seperti itu dan juga kemungkinan pertemuan antara kumpulan dengan kumpulan," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi pagi Mesyuarat Menteri-menteri Luar G15 di sini.

G7 terdiri daripada Amerika Syarikat, Jerman, Perancis, Britain, Jepun, Kanada dan Itali.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini telah mencadangkan satu dialog antara G15 dan G7 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi.

Mengenai hubungan ekonomi dan perdagangan di kalangan negara-negara G15, Abdullah berkata, terdapat cadangan yang perjanjian ekonomi antara negara-negara anggota, seperti perjanjian pelaburan dan cukai berganda dijadikan sah daripada segi undang-undang.

Beliau berkata, keanggotaan G15 juga perlu ditambah khasnya untuk membawa masuk beberapa negara di barat Afrika dan juga negara-negara di barat Asia memandangkan rantau itu buat masa ini tidak diwakili.

Beberapa negara di barat Asia telah menunjukkan minat menyertai G15 tetapi nama mereka hanya akan diumumkan apabila masanya sesuai, kata beliau.

Malaysia, Indonesia dan India merupakan satu-satunya negara Asia dalam perkumpulan itu. Anggota-anggota lain ialah Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, Jamaica, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe.

Kenya akan diterima sebagai anggota ke 16 semasa persidangan kemuncak itu yang akan bermula Isnin ini.

Abdullah berkata, garis panduan bagi keanggotaan sesebuah negara dalam perkumpulan itu ialah kebolehnya untuk membuat sumbangan yang bermakna dan sumbangan kewangan, mempunyai minat dan komitmen dalam perjuangan G15.

Mengenai kekerapan mesyuarat Menteri-menteri Luar G15, Abdullah berkata ia akan terus diadakan setiap tahun kerana tiada kata sepakat dicapai sehingga ini.

Bagaimanapun, kekerapan Sidang Kemuncak G15 akan ditentukan oleh pemimpin-pemimpinnya, kata beliau. -- BERNAMA

ZAB NI PR